

# METODOLOGI MUḤADDITHĪN: SUATU SOROTAN

Oleh:  
Fauzi bin Deraman

## Abstract

*This article tries to give an overall view on the commitment of early muḥaddithīn and their efforts to preserve the Traditions (ahadith) of the Prophet. It discusses the methods used by muḥaddithīn and its development in the history of recording (tadwin) the ahadith.*

## PENGANTAR

Para muḥaddithīn dalam kajian, penulisan dan karya mereka mempunyai metodologi tersendiri. Mempelajari metodologi tersebut dalam pengajian hadith tidak dapat dinafikan kepentingannya. Peri pentingnya menguasai metodologi pengkajian hadith adalah seiring dengan kepentingan hadith itu sendiri. Walaupun metod para muḥaddithīn ini tidak ketara dan jelas, namun ia telah wujud dan tersirat dalam karya-karya utama hadith dan sunnah, termasuk karya-karya berkaitan *Ilal al-hadīth* dan *rijāl al-hadīth*. Oleh yang demikian, untuk mengetahui metodologi para Muhaddithin, para pengkaji mestilah meneliti dan mengkaji karya-karya mereka.

Para pengkaji juga terpaksa menelusuri perkembangan ilmu ini untuk satu tempoh yang agak panjang, bermula dari Kurun Pertama yang merupakan tempoh kelahiran metod tersebut di mana para sahabat menerima hadith-hadith dan riwayat secara langsung dari Rasulullah s.a.w. Ia berterusan sehingga mencapai kematangan pada Kurun Kelima, di mana metodologi mereka begitu mantap dan tersusun.

Artikel ini akan menyorot secara menyeluruh bagi melihat komitmen tokoh hadith zaman awal dalam menjaga dan memelihara hadith Rasulullah s.a.w. supaya terus terpelihara dan tetap menjadi rujukan serta panduan ummah, terutama dalam mengatur kehidupan mereka di segenap aspek. Tindakan mereka ini kemudiannya menjadi ikutan para ulama' mutakhirin.

## ASAS METODOLOGI

Melihat kepada karya-karya *turāth* Islam secara umum dan karya-karya hadith secara khusus, ternyata asas kepada metodologi adalah al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w., di mana kedua-duanya merupakan sumber utama ilmu dan maklumat. Malah kedua-duanya juga menggariskan asas-asas metodologi dalam kajian dan penyelidikan. Al-Qur'an adalah nur dan petunjuk, *manhaj* dan *furqan* (garis pemisah), bukti kebenaran dan kebenaran, malah rahmat dan penawar.

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُبِينًا

*“Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti kebenaran dari Tuhanmu (Muhammad dan mu'jizatnya) dan telah Kami turunkan kepadamu cahaya yang terang benderang (al-Qur'an).”<sup>1</sup>*

Firman Allah:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ

*“Sesungguhnya al-Qur'an ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus.”<sup>2</sup>*

Setelah meneliti beberapa ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan metodologi, penulis berpendapat bahawa manhaj para muhaddithin adalah berasaskan dari al-Qur'an. Untuk lebih jelas, dicatatkan di bawah ini asas-asas tersebut sebagai contoh.

1. Al-Qur'an menekankan kepentingan pemerhatian dan pengamatan sehingga sampai kepada hakikat keimanan.

Firman Allah:

قُلْ أَنْظَرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُعْنِي الْآيَاتُ  
وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ

---

<sup>1</sup> Sūrah al-Nisā', 4: 174.

<sup>2</sup> Sūrah al-Isrā', 17: 9.

“Katakanlah: “Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi. Tidakkah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang-orang yang beriman.”<sup>3</sup>

Firman Allah:

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا هِيَ مِنْ فُرُوجٍ ۖ ﴿٦﴾ وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ

“Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak mempunyai retak-retak sedikitpun? Dan Kami hamparkan bumi ini dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh dan Kami tumbuhkan padanya bermacam-macam tanaman yang indah dipandang mata, untuk menjadi pelajaran dan peringatan bagi tiap-tiap hamba yang kembali (mengingati Allah)”<sup>4</sup>

2. Al-Qur’an juga mendorong supaya berfikir secara waras dan rasional.

Firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan Dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-ganang dan sungai-sungai padanya. Dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan. Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.”<sup>5</sup>

<sup>3</sup> Sūrah Yūnus, 10: 101.

<sup>4</sup> Sūrah Tāhā, 50: 6-7.

<sup>5</sup> Sūrah al-Ra’d, 13: 3.

3. Al-Qur'an mengajak kepada penggunaan akal yang sejahtera dan berpandangan jauh.

Firman Allah:

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَمَنْحِيلٌ صِنَوَانٌ  
وغيرُ صِنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضَ لِبَعْضِهَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ  
إِن فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

"Dan di bumi ini terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan, dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pohon kurma yang bercabang dan tidak bercabang, disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanam-tanaman itu atas sebahagian yang lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir."<sup>6</sup>

4. Al-Qur'an juga meminta dalil-dalil dan keterangan bagi menegakkan hujah.

Firman Allah:

قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

"Katakanlah: "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu adalah orang yang benar."<sup>7</sup>

Firman Allah:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَاوَاتِ أَتُنُونِي بِكِتَابٍ مِنْ قَبْلِ هَذَا أَوْ أَثَرَةٍ مِنْ عِندِ  
إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

"Katakanlah: "Terangkanlah kepadaKu tentang apa yang kamu sembah selain Allah, perhatikan kepadaKu apa yang telah mereka ciptakan dari bumi ini atau adakah mereka bersyariat (dengan Allah) dalam (penciptaan) langit? Bawalah kepadaKu kitab yang

<sup>6</sup> Sūrah al-Ra'd, 13: 4.

<sup>7</sup> Sūrah al-Baqarah, 2: 111.

sebelum (al-Qur'an) ini atau peninggalan dari pengetahuan (orang-orang dahulu), jika kamu adalah orang-orang yang benar."<sup>8</sup>

Firman Allah:

نِسْئُونِي بِعِلْمٍ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ

“Terangkanlah kepadaKu dengan berdasarkan pengetahuan jika kamu memang orang-orang yang benar.”<sup>9</sup>

5. Al-Qur'an juga meminta supaya berhati-hati dalam membawa sebarang berita atau perkhabaran.

Firman Allah:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ  
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

“Dan jangan kamu mengikut apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawaban.”<sup>10</sup>

6. Al-Qur'an memberi amaran akibat pembohongan dan pendustaan.

Firman Allah:

إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَأُولَئِكَ  
هُمُ الْكَاذِبُونَ

“Sesungguhnya yang mengada-adakan pembohongan hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itulah orang-orang pendusta.”<sup>11</sup>

7. Al-Qur'an juga memberi amaran akibat menerima berita dari orang yang fasik yang tidak komited dengan prinsip kebenaran dalam percakapan dan bercermat semasa menyampaikan berita.

<sup>8</sup> Sūrah al-Aḥqāf, 46: 4.

<sup>9</sup> Sūrah al-An'ām, 6: 143.

<sup>10</sup> Sūrah al-Isrā', 17: 36.

<sup>11</sup> Sūrah al-Naḥl, 16: 105.

Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا  
بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

*“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepadamu orang fasik membawa sesuatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”<sup>12</sup>*

Adapun hadith-hadith yang menganjurkan supaya berhati-hati, bercermat dalam membawa berita dan benar dalam percakapan pula sangat masyhur. Dicatatkan di sini antaranya:

1. Dari Qatādah, katanya: “Saya mendengar Rasulullah s.a.w. berkata di atas mimbar:

إياكم وكثرة الحديث عني فمن قال عليّ فليقل حقا أو صدقا  
ومن تقول عليّ ما لم أقل فليتبوأ مقعده من النار

*“Berwaspadalah kamu dari banyak bercakap dari saya, siapa yang berkata kepada saya berkata dengan hak atau benar, sesiapa yang berkata kepada saya, apa yang tidak saya katakan, maka sedialah tempat dalam neraka”<sup>13</sup>*

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

من روى عني حديثا يرى أنه كذب فهو أحد الكاذبين

*“Sesiapa yang meriwayatkan dariku satu hadith, didapati ia berdusta, maka ia termasuk dalam kalangan pendusta”<sup>14</sup>*

<sup>12</sup> Şūrah al-Hujurāt, 49: 6.

<sup>13</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, lihat, *Sunan Ibn Mājah* dalam muqaddimah, 1/14 hadith no. 35.

<sup>14</sup> Hadith ini disebut oleh Imam Muslim dalam *Muqaddimah*, Tirmidhī dalam kitabnya *al-‘Ilm* hadith no. 2662.

Dalam satu hadith yang mutawatir, Rasulullah s.a.w. bersabda:

من كذب على متعمداً فليتبوأ مقعده من النار

*“Sesiapa yang berdusta ke atas saya dengan sengaja, maka tempahlah tempatnya dalam neraka”.*

Dengan itu jelaslah sumber bagi metod atau manhaj Muḥaddithīn adalah dari al-Qur’an dan hadith, diasaskan kepada perkhabaran yang benar, pendengaran yang sah, penjagaan yang peka dan kefahaman yang sempurna. Para muḥaddithīn begitu komited dengan manhaj ini, bahkan melaksanakannya dalam periwayatan, pengambilan, penulisan dan penyusunan hadith. Malah riwayat yang sah merupakan kaedah utama yang menjadi titik tolak kepada manhaj kajian serta penyelidikan dalam hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

## RIWAYAT DAN KEPENTINGANNYA

Riwayat dalam disiplin pengajian hadith bermaksud memindahkan hadith dan sanadnya dari sumbernya dengan menggunakan ungunya yang tersendiri, seperti *haddathani fulān* atau *akhbarani* atau *sami’tu minhu* atau *qara’tu ‘alayhi* dan lain-lain.

Periwayatan telah begitu lama wujud. Ianya wujud pada setiap umat dan setiap masa kerana ia merupakan cara seseorang itu memindahkan berita atau perkhabaran. Periwayatan dalam Islam mempunyai dua keistimewaan iaitu:

### i. Berhemat Dalam Periwayatan

Periwayatan sebelum Islam samada di kalangan bangsa Arab dan selainnya adalah semata-mata menyampaikan berita. Pembawa berita itu sama sekali tidak mengambilkira benar atau salahnya berita yang dibawa. Penyelidikan mengenai kebenaran atau sebaliknya berita tersebut jarang sekali dilakukan, sehinggalah kedatangan Islam dan perutusan Rasulullah s.a.w. serta diperjelaskan selok-belok ajaran Islam, diasaskan tunjang utama ajarannya.

Umat Islam sangat mementingkan riwayat. Islam telah menggariskan kaedah-kaedah periwayatan yang boleh diperhatikan dalam semua perkara, baik kecil maupun besar. Ini terbukti apabila Islam meletakkan al-Qur’an dan al-Sunnah sebagai dua sumber utama syariatnya.

Al-Qur’an sejak dari awal lagi telah ditulis dan dihafaz. Manakala Sunnah Rasulullah s.a.w. tidak ditulis di peringkat awal, namun kaedah bagi mengenalinya adalah dengan cara periwayatan dan hafazan. Umat Islam meletakkan kewaspadaan yang tinggi kerana dibimbangi berlaku penyelewengan dan pertukaran semasa proses periwayatan.

## ii. Sanad Yang Berhubung

Periwayatan dalam Islam disyaratkan *'ādil* dan *dābit*. Dengan kata lain, riwayat yang diterima adalah riwayat yang dilakukan oleh perawi yang mempunyai ciri keadilan dan kedabitan sehingga sampai rangkaian periwayatan itu kepada Rasulullah s.a.w.

Ibn Ḥazm (m. 456H) berkata: "Periwayatan perawi yang *thiqqah* dari perawi lain yang *thiqqah* sehinggalah sampai kepada Rasulullah s.a.w. merupakan perkara yang dihaskan oleh Allah kepada muslimin sahaja, tidak bagi agama-agama yang lain".<sup>15</sup>

Abū 'Alī al-Jānī telah menyebut tiga perkara yang Allah khususkan kepada umat Muhammad, salah satu darinya adalah *al-isnād*.<sup>16</sup>

Muḥammad bin Ḥātim bin al-Mudhaffar pula berkata: "Sesungguhnya Allah memuliakan umat ini dan menghargainya dengan *isnād*, tidak ada umat yang lain, dahulu dan sekarang, ada sanad yang bersambung...".<sup>17</sup>

Abū Ḥātim al-Rāzī pula berkata: "Tidak terdapat mana-mana umat sejak Allah menjadikan Adam mereka yang beramanah menghafaz *athār al-Rasūl* kecuali pada umat yang ini."<sup>18</sup>

## KEPENTINGAN SANAD

Islam sangat mementingkan sistem *isnād*, malah ia merupakan asas penjagaan agama Islam. Perpentingnya *isnād* ini dapat dilihat dari pandangan para *salaf al-sālih*. Antaranya, 'Abd Allāh bin Mubārak berkata: "*Isnād* adalah dari ajaran agama, tanpa *isnād* nescaya sesiapa sahaja akan berkata apa yang dia suka".<sup>19</sup>

Beliau juga berkata: "Beza antara kita dengan yang lain ialah *al-Qawā'im* iaitu *al-Isnād*."<sup>20</sup>

<sup>15</sup> Ibn Ḥazm al-Andalusī, *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Niḥal*, Misr, cet. 1. 2/81.

<sup>16</sup> Al-Khātib al-Baghādī, *Syaraf Aṣḥāb al-Ḥadīth*, ed. Muḥammad Sa'id Hatiboglu, Ankara: Ankara Universiti, 1971, hal. 40.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid*, hal. 43.

<sup>19</sup> Lihat al-Ḥākim, *Ma'rifat 'Ulūm al-Ḥadīth*, hal. 6; al-Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995 dalam *Muqaddimah*, 1/28. Tafsiran al-Qawā'im sebagai al-Isnād adalah tafsiran Imam Muslim.

<sup>20</sup> Muslim, *Ibid.*



Muḥammad bin Sirīn berkata: “Ilmu ini adalah al-Dīn, maka lihatlah dari siapa kamu mengambil agama kamu”.<sup>21</sup>

Pandangan yang sama turut diberikan oleh al-Dāḥḥak bin Muzāḥim, Ṭawūs, Mālik dan lain-lain.<sup>22</sup>

Abū Hātim al-Rāzī pula berpendapat: “Tidak ada di kalangan mana-mana umatpun sejak dijadikan Adam orang yang begitu beramanah yang menghafaz perkhabaran Rasul kecuali apa yang ada kepada umat ini”.<sup>23</sup>

Al-Qādi Abū Bakr ibn ‘Arabī al-Mu‘āfirī berkata: “Allah memuliakan umat ini dengan *isnād* yang tidak dikurniakan kepada sesiapaupun selainnya....”<sup>24</sup>

Tuntutan menyemak dan menamakan perawi dan sanad hadith ini lebih mendesak apabila berlaku fitnah di kalangan umat Islam di penghujung pemerintahan ‘Uthman. Dengan itu Muḥammad bin Sirīn pernah berkata: “Mereka tidak bertanya mengenai sanad, apabila berlaku fitnah, mereka berkata: “Namakan bagi kami perawi kamu, apabila didapati dari kalangan Ahl al-Sunnah, maka diambil hadith mereka, dan dilihat kepada *ahl al-bida’*, maka tidak diambil dari mereka hadith.”<sup>25</sup>

Dari penjelasan di atas, ternyata kedudukan seseorang perawi itu dinilai dari kesahihan riwayatnya yang bersambung terus kepada orang yang meriwayatkan hadith dari Rasulullah s.a.w., sedangkan yang memindahkan hadith dari Rasulullah s.a.w. adalah para sahabatnya. Merekalah yang merupakan penyambung lidah antara Rasulullah s.a.w. dan generasi sesudahnya. Perhatian mereka yang mendalam dalam menerima, menghafaz, memahami dan menghayati Hadith dan sunnah Rasulullah s.a.w. sangat besar. Menyampaikan apa yang didengar dari Rasulullah s.a.w. dianggap satu amanah dan sumbangan dalam menyebarkan risalah. Mereka berpegang dengan apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

*“Allah memuliakan seseorang yang mendengar kata-kataku, lalu dihafaznya dan dijaganya serta diriwayatkan sebagaimana yang didengarnya”.*<sup>26</sup>

<sup>21</sup> *Ibid*, hal.. Lihat juga; *al-Kifāyah*, hal. 196.

<sup>22</sup> *Ibid*, lihat juga; *Sunan al-Dārimi* dalam *Muqaddimah*, 1/93.

<sup>23</sup> *Ibid*, hal. 33-34.

<sup>24</sup> Dr. ‘Abd al-Muḥdī bin ‘Abd al-Qādir, *al-Sunnah al-Nabawiyah Makānuhā ‘Awāmil Baqā’ihā Tadwinuhā*, Qāhirah: Dār al-‘Itisām, t.t, hal. 86.

<sup>25</sup> Ṣaḥīḥ Muslim, *op.cit*, hal. 28; *Sunan al-Dārimi, ibid*.

<sup>26</sup> Tirmidhi, *Kitāb al-‘Ilm*, hadith no. 2657, Ibn Hibbān, hadith no. 66.

Rasulullah s.a.w. sendiri telah menggariskan kaedah periwayatan yang sangat unggul iaitu: pendengaran yang sahih, hafazan yang sedar, pemahaman yang mendalam dan menyampaikan dengan penuh amanah.

Para sahabat telah menerima kaedah ini, memahaminya dan melaksanakannya dalam kehidupan keilmuan mereka. Sesungguhnya mereka sedar yang mereka adalah pendokong risalah dan amanah, mereka bertanggungjawab melaksanakannya sebagaimana mereka menerima dari pelopornya yang pertama iaitu Rasulullah s.a.w.

Sabda Rasulullah s.a.w:

*“Mereka mendengar dan didengar dari kamu dan didengar dari sesiapa yang mendengarnya dari kamu”.*<sup>27</sup>

Sesudah itu tersebarlah riwayat para sahabat dari Nabi s.a.w. dari riwayat mereka sesama mereka semasa Rasulullah s.a.w. masih hidup. Namun begitu sesudah kewafatan Baginda s.a.w, para Khulafa' al-Rasyidin telah menggunakan kaedah baru dalam periwayatan hadith, yang diringkaskan kepada dua perkara iaitu:

#### **Pertama: Mengurangkan sedaya mungkin dari meriwayatkan hadith Rasulullah s.a.w**

Kurangnya periwayatan ini adalah kerana beberapa faktor. Antaranya:

- i. Perhatian utama umat Islam pada masa itu adalah al-Qur'an. Mereka banyak menghabiskan masa untuk mempelajari, menghafaz dan mentilawahkannya. Dengan mengurangkan periwayatan sudah tentu tumpuan mereka terhadap al-Qur'an tidak terganggu dan tidak terjejas.
- ii. Khuatir berlakunya kesilapan dan pendustaan semasa meriwayatkan hadith Rasulullah s.a.w.. Ramai di kalangan mereka beranggapan riwayat yang banyak boleh mendedahkan mereka kepada kesilapan dan pendustaan.

Abu Hurayrah berkata: Sabda Rasulullah s.a.w: *“Cukuplah seorang itu berdusta dengan meriwayatkan segala apa yang didengarnya.”*<sup>28</sup>

#### **Kedua: Berhemat dalam meriwayatkan hadith**

Sifat warak dan ketaqwaan yang tinggi telah mendorong para sahabat begitu berhemat dalam meriwayatkan hadith, di samping kebimbangan mereka akan berlakunya kesilapan. Hasilnya para sahabat dan tabi'in juga sangat berhati-hati demi menjaga ketulinan hadith itu.

---

<sup>27</sup> Abū Dāwūd, *Kitāb al-'Ilm*, 4/3659 dari Ibn 'Abbās

<sup>28</sup> Riwayat Muslim, 1/10.

'Umar r.a. sangat tidak menyukai mereka yang meriwayatkan hadith tanpa keperluan, justeru banyaknya riwayat boleh menyebabkan berlakunya kesilapan. Ternyata para sahabat begitu komited dengan metod ini. Dengan itu mereka meriwayatkan hadith ketika perlu sahaja. Ramai di kalangan mereka sebaik sahaja meriwayatkan hadith berkata dipenghujungnya: "seperti ini", "sebagaimana yang disabdakan" atau "seumpama itu".<sup>29</sup>

Ada di kalangan para sahabat gementar, pucat dan berubah wajahnya apabila meriwayatkan dari Rasulullah (s.a.w.).<sup>30</sup>

'Abd al-Rahmān bin Abī Layla berkata: "Saya sempat menemui 120 orang dari kalangan al-Anṣār dari sahabat Rasulullah s.a.w., tidak seorangpun yang meriwayatkan hadith selain mengharapkan saudaranya sudah memadai untuknya.." Malah diriwayatkan juga, jika salah seorang dari mereka ditanya mengenai suatu perkara, ia akan menunjukkan kepada yang lain, sehingga kembali kepada orang yang pertama semula".<sup>31</sup>

Mereka melakukan demikian bukan kerana tidak mempunyai hadith untuk diriwayatkan tetapi kerana sikap berhati-hati, berwaspada dan beringat-ingat dalam urusan agama dan kepentingan awam.

### **Ketiga: Teliti dalam menerima hadith**

Para muḥaddithīn dari kalangan para sahabat dan juga tabi'in bukan sahaja berhati-hati dan teliti dalam meriwayatkan hadith tetapi juga dalam menerima riwayat bagi memastikan setiap riwayat yang diterima adalah benar. Ini adalah dengan mengenalpasti periwayat dan kekuatan ingatannya, meminta hadith dari perawi yang lain, mengumpulkan kesemua jalan hadith atau dengan merujuk kepada mereka yang benar-benar berkeahlian.

Menurut al-Dhahabī, orang yang pertama yang berbuat demikian ialah Abū Bakr r.a. Diriwayatkan dari Ibn Syihāb dari Qubaysah bin Zu'ayb bahawa seorang nenek datang menemui Abū Bakr lalu bertanyakan bahagian pesaka miliknya. Abū Bakr berkata: "Saya tidak dapati bahagian kamu dalam al-Qur'an dan saya tidak tahu samada Rasulullah s.a.w memperuntukkan untuk kamu sesuatu bahagian", lalu ia bertanya kepada orang ramai. Al-Mughīrah lalu bangun dan berkata: "Saya mendengar yang Rasulullah s.a.w. memberikan untuknya 1/6". Abū Bakr kemudiannya bertanya:

<sup>29</sup> Lihat: *Sunan Ibn Mājah*, 1/8; *Musnad Aḥmad*, 6/46; *Sunan al-Dārimi*, 1/77, 84; *Sunan al-Bayhaqī*, 1/11.

<sup>30</sup> Muḥammad Ujaj al-Khatīb, *Al-Mukhtaṣar al-Wajīz fī 'Ulum al-Ḥadīth*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, t.t., hal. 49.

<sup>31</sup> *Ibid*, hal. 50.

“Adakah orang lain bersama kamu?” Muḥammad bin Maslamah kemudian memperakuiinya, lalu Abū Bakr pun melaksanakan seperti yang disebutkan.<sup>32</sup>

Contoh kedua: Abū Mūsā al-Asy‘arī datang ke rumah ‘Umar r.a. dan meminta izin daripadanya sebanyak tiga kali, kemudian diapun beredar dari situ setelah ‘Umar tidak memberi keizinan. Kemudian ‘Umar bertanya beliau apakah yang menghalang beliau dari memasuki rumahnya. Kata Abū Mūsā: “Saya minta izin sebanyak tiga kali dan tidak diizinkan lalu sayapun beredar sedang Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila kamu meminta izin sebanyak tiga kali dan tidak diberi izin maka pulanglah”.

‘Umar kemudian berkata: “Saya akan dapatkan keterangan mengenainya.” Lalu Abū Sa‘īd al-Khudrī memberitahu beliau yang Rasulullah s.a.w. memang bersabda sedemikian. ‘Umar berkata kepada Abū Musā: “Saya tidak mentohmah kamu akan tetapi saya bimbang nanti orang akan berkata itu dan ini kepada Rasulullah s.a.w.”<sup>33</sup>

Malah ‘Ali r.a. pernah berkata: “Bila saya mendengar hadith dari Rasulullah s.a.w. Allah memanfaatkan kepada saya darinya, apabila orang lain menyampaikan kepada saya hadith, saya minta ia bersumpah, apabila ia bersumpah saya akan membenarkan hadithnya itu”.<sup>34</sup>

Contoh yang disebutkan, bukanlah bermaksud yang para muḥaddithin khususnya dari kalangan sahabat mensyaratkan bagi penerimaan sesuatu riwayat ia hendaklah diriwayatkan oleh sekurang-kurangnya dua perawi, atau perlu ada kesaksian bagi setiap riwayat atau perawi perlu bersumpah terlebih dahulu bagi membolehkan riwayatnya diterima, namun semuanya adalah untuk menunjukkan betapa cermat dan berhati-hatinya mereka dalam menerima sesuatu hadith.

## PENULISAN HADITH

Penulisan hadith sememang sudah wujud semasa hayat Rasulullah (s.a.w.) lagi, walaupun secara persendirian. Ini termasuklah koleksi ‘Abdullah bin ‘Umar bin al-‘As yang dinamakan dengan *al-ṣādiqah*. Beliau pernah memberitahu kepada Mujāhid: “Inilah *al-ṣādiqah* padanya apa yang saya dengar dari Rasulullah s.a.w., tidak ada seorangpun yang di antara saya dengannya.” Begitu juga dengan koleksi Sa‘ād bin ‘Ubādah,<sup>35</sup> Samurrah bin Jundab, Jābir bin ‘Abdullah, Anas bin Mālīk, termasuk

---

<sup>32</sup> *Tadhkirah al-Huffāz*, 1/3; Lihat juga *al-Muwatta’* 2/513, Abū Dāwud, 3/316-317 (2894); Tirmidhī (2101) dan Ibn Mājah (2724).

<sup>33</sup> *Al-Muwatta’*, 2/964.

<sup>34</sup> Lihat: *Sunan al-Tirmidhī*, 2/257; *Musnad Aḥmad*, 1/154, 174, 178.

<sup>35</sup> Lihat: *Al-Muḥaddith al-Fāḍil wa Taqyīd al-‘Im*, hal.84; *Usd al-Ghabat*, 3/233.

Ṣaḥīfah Ḥammām bin Munabbih yang dinamakan sebagai *Al-Ṣaḥīfah al-Ṣaḥīḥah* yang diriwayatkan dari Abu Hurayrah, Ibn ‘Abbās juga antara sahabat yang menulis hadith yang diterima dari para sahabat yang lain selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Keperluan kepada hadith Rasulullah lebih mendesak lagi pada kurun berikutnya demi untuk menjaga keasliannya kerana beberapa faktor, antaranya:

- i. Perkembangan Islam yang begitu pesat dan luasnya wilayah yang dikuasai oleh umat Islam dan bertebarannya para sahabat di segenap rantau Islam.
- ii. Kewafatan para sahabat yang selama ini merupakan penghafaz hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan dibimbangi generasi tabi‘in yang merupakan pewaris para sahabat juga akan meninggal.
- iii. Lahirnya generasi baru yang kurang mantap ingatan dan hafazan hasil percampuran dari berbagai bangsa.
- iv. Lahirnya hadith-hadith *mawḍū‘* berpunca dari kelemahan iman dan pudarnya sifat wara‘ di kalangan umat Islam ketika itu.
- v. Panjangnya sanad dan sulitnya untuk memastikan rangkaian perawi yang bersambung dengan Rasulullah s.a.w.
- vi. Tidak terdapatnya penulisan hadith secara sistematik.

Faktor-faktor ini menjadi pendorong kepada gerakan penulisan secara tersusun yang digerakkan oleh Khalifah ‘Umar bin ‘Abd ‘Aziz yang jelas dilihat dari arahnya kepada Abū Bakr bin Ḥazm:

“Tulislah kepada saya apa yang thābit di sisi anda dari hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan hadith ‘Umrah kerana saya sangat bimbang hilangnya ilmu dan perginya para ulama’...”<sup>36</sup>

Dalam satu surat lain beliau menulis: “Perhatikan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. maka kumpulkanlah”

Ekoran dari itu, lahirlah tokoh-tokoh hadith yang mengumpulkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. seperti Ibn Syihāb al-Zuhri (m. 124H), Ibn Jurayj (m. 150H), Sufyān Ibn ‘Uyyaynah (m. 198H), Mālik bin ‘Anas (m. 179H), Muhammad ibn Ishāk (m. 151H), Al-Rabi‘ bin Subayh (m. 160H), Ma‘mar bin Rasyīd (m. 152H), Al-Awzā‘iy (m. 167H), ‘Abdullah ibn Mubārak (m. 1171H), Husyam bin Basyir (m. 182H), Al-Layth bin Sa‘ad (m. 175H) dan ramai lagi.

---

<sup>36</sup> Lihat: *Faṭḥ al-Bārī*, 1/204.

## METODOLOGI PENYUSUNAN HADITH

Metodologi yang diikuti oleh para muhaddithin dalam penyusunan hadith di peringkat permulaan ini adalah mengikut topik, di mana mereka mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan topik tertentu dalam sebuah karya, umpamanya dikumpulkan hadith mengenai solat dalam satu kitab, kemudiannya mengenai zakat, seterusnya puasa secara berasingan. Inilah yang dilakukan oleh Imām al-Zuhrī.

Muhaddithin selepas al-Zuhrī pula, mereka melakukan koleksi dalam semua tajuk yang berkaitan dengan ilmu Islam, lalu dicantumkan menjadi sebuah karya. Bukan sahaja hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tetapi dimuatkan sama kata-kata para sahabat r.a. dan fatwa-fatwa para tabi'in.

Metod ini ketara kelihatan dalam *al-Muwatta'* susunan Imām Mālik. *Al-Muwatta'* merupakan di antara karya terkenal yang dihasilkan pada kurun kedua yang sampai kepada generasi mutakhir dan masih tersimpan dalam perpustakaan hingga ke hari ini, di samping *Musnad* Imam al-Syafi'i dan *al-Athār* oleh Muḥammad bin al-Ḥasan al-Syaibānī. Manakala karya pengarang lain dikatakan tidak sampai ke tangan generasi mutakhir.

Satu lagi metod yang digunakan oleh kalangan muhaddithin dalam menyusun hadith adalah metod *al-musnad*, di mana mereka mengumpulkan hadith-hadith berdasarkan riwayat mana-mana sahabat Rasulullah s.a.w. tanpa melihat kepada topik hadith-hadith tersebut. Umpamanya dimuatkan semua hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abū Bakr r.a., kemudiannya hadith riwayat 'Umar, begitulah seterusnya.

Penyusunan mengikut metod ini hanya memuatkan hadith-hadith nabi sahaja dan tidak memuatkan sama pandangan sahabat dan fatwa para tabi'in. Antara kelemahan penyusunan mengikut metod ini adalah para penyelidik dan pelajar agak sukar untuk menilai kesahihan dan kelemahan hadith, mungkin pembaca merasakan kesemua hadith sahih atau sebaliknya, sebagaimana sukar untuk menemukan hadith yang tidak diketahui sahabat yang meriwayatkannya. *Musnad* Imam Ahmad ibn Hanbal merupakan antara karya yang menggunakan metod ini dalam penyusunannya.

Pada kurun ketiga Hijrah, iaitu kurun gemilang penyusunan hadith, para muhadithin menggunakan metod baru dalam penyusunan hadith. Antara keistimewaannya adalah:

- i. Mengkhususkan hadith Rasulullah s.a.w. dalam penyusunan. Ada yang hanya memuatkan hadith-hadith sahih sahaja seperti *Sahīh* Imam Bukhārī dan Muslim. Ada juga yang memasukkan sama hadith-hadith yang da'if seperti *sunan al-Sittah* selain keduanya.
- ii. Karya yang dihasilkan merupakan hasil usaha penyusun itu sendiri tanpa mengambil dari penulis sebelumnya.

- iii. Penyusun mempunyai keupayaan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang *al-jarḥ wa al-ta'dīl* dan juga analisis sanad dan matan.

Metod yang digunakan pula adalah susunan mengikut bab-bab yang didasarkan kepada persoalan fiqh, di samping susun letak hadith berdasarkan topik, seperti hadith-hadith mengenai solat diletakkan pada satu bab, seterusnya puasa dan begitulah selanjutnya. Istimewanya metod ini ialah seseorang itu dengan senang dan cepat dapat merujuk sebarang persoalan hukum dengan merujuk kepada bab-babnya yang khusus, begitu juga dalam menentukan status hadith di segi sahih dan da'ifnya.

Pelopor kepada metod ini adalah Imam Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī (m. 256H) dalam menyusun *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Metod yang belum pernah digunakan oleh muḥaddithīn sebelumnya, di mana beliau mensyaratkan tidak dimasukkan dalam karya tersebut kecuali riwayat perawi yang *thiqah* dan melalui tempoh bersama yang agak panjang antara satu sama lain.

Metod ini kemudiannya diikuti oleh muridnya Imam Abū al-Husayn Muslim bin Ḥajjāj (m. 261H) dalam karyanya *al-Ṣaḥīḥ*. Termasuk juga dalam metod ini kitab-kitab *al-Sunan* iaitu karya-karya yang susunan hadith-hadith disusun mengikut bab-bab fiqh dan hukum hakam<sup>37</sup> dimana penyusunnya turut menjelaskan juga kedudukan hadith di segi kesahihannya dan sebagainya. Contohnya ialah *Sunan al-Tirmidhī*.

Zaman kegemilangan bagi pentadwinan hadith ini adalah pada kurun ketiga Hijrah dengan lahirnya berbagai karya dalam ilmu ini. Namun usaha tidak berhenti sekadar itu sahaja, khidmat para muḥaddithīn terhadap hadith Rasulullah s.a.w. berterusan dengan pengajian, penelitian dan analisis yang lebih meluas di abad keempat Hijrah dengan lahirnya ramai para muḥaddithīn. Mereka mewarisi kepakaran generasi sebelumnya dan ditambah dengan kepakaran semasa.

Di segi metod pula ada yang mengikut metod Imam Bukhārī dengan memilih hadith-hadith yang sahih sahaja seperti Al-Hafīdh Muḥammad bin Ishāk ibn Huzaymah (m. 311H), Abū 'Ali Sa'id bin Uthmān al-Sakan (m. 353H) dan Ibn Ḥayyān al-Bustī (m. 354H).

Ada yang mengikut metod penulis kitab *al-Sunan* yang membataskan kepada hadith yang berkaitan dengan iman dan hukum dengan merangkumkan hadith sahih dan selainnya seperti Ibn al-Jarud (m. 307H), al-Darqūṭnī (m. 385H) dan Al-Bayhaqī (m. 458H).

---

<sup>37</sup> Lihat: Al-Kattānī, *Al-Risālah al-Mustatrafah*, hal. 32.

Ada pula yang menyusun mengikut metod *Ma'ājim* dengan menyusun mengikut nama sahabat, guru atau negeri dan susunan adalah mengikut urutan abjad seperti yang dilakukan oleh Imam al-Tabarānī (m. 360H).<sup>38</sup>

Terdapat juga yang menghasilkan karya dalam bentuk *mustadrak* seperti yang dilakukan oleh al-Hākim al-Naysabūrī (m. 405H) yang telah memuatkan hadith-hadith yang pada pandangan beliau mengikut syarat-syarat Imam Bukhāri atau Muslim atau kedua-duanya tetapi tidak dimuatkan dalam kitab sahih masing-masing.

Manakala ada beberapa tokoh hadith telah menghasilkan *Mustakhrājāt* iaitu himpunan hadith-hadith yang telah diriwayatkan oleh tokoh sebelumnya, namun diriwayatkan semula dengan sanad yang lain, dimana rangkaian perawinya bertemu pada guru pengarang pertama atau sebelumnya. Inilah yang dilakukan oleh Abū 'Awānah al-Isfirainī (m. 316H) bagi *Ṣaḥīḥ Muslim* dan Abū Bakr al-Isma'īlī (3711H) bagi *Ṣaḥīḥ Bukhāri* dan Abū Nu'aim al-Aṣfahānī (m. 430H) bagi kedua-duanya.<sup>39</sup>

Dengan berakhirnya abad keempat Hijrah, didapati usaha menyusun dan mengumpulkan hadith telah sampai ketahap sempurna dan lengkap. Hadith-hadith yang sahih tidak lagi bercampur aduk dengan hadith-hadith yang da'if. Namun begitu, para muḥaddithin terus menabur jasa dan menyumbangkan bakti dalam memberi khidmat kepada hadith Nabi s.a.w. dengan menghasilkan karya-karya baru dan mengemukakan metodologi yang baru juga.

Pada kurun kelima Hijrah, para muḥaddithin dalam memberi sumbangan terhadap hadith Nabi s.a.w. telah mengetengahkan metod yang terkini pada ketika itu dalam menyusun dan menjaga hadith itu sendiri. Cara ini merupakan asas ke arah menghasilkan ensiklopaedia hadith iaitu dengan menggabungkan karya-karya hadith yang telah dihasilkan pada kurun sebelumnya.

- i. Menggabungkan di antara *al-Ṣaḥīḥayn* oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.
- ii. Menggabungkan antara *al-Kutub al-Khamsah* atau *al-Kutub al-Sittah*.

Dengan itu banyakkah dihasilkan karya-karya dalam bentuk ini, antaranya *Al-Jam' Bayn al-Ṣaḥīḥayn* oleh Ibn 'Ubayd al-Dimasqī (m. 401), *Al-Jam' Bayn al-Ṣaḥīḥayn* oleh Ibn al-Furāt (m. 414H), *Al-Jam' Bayn al-Ṣaḥīḥayn* oleh Ibn Ghalib al-Barqānī (m. 425H), *Al-Jam' Bayn al-Ṣaḥīḥayn* oleh al-Baghawī (m. 516), dan banyak lagi, sebagaimana ditemui *Al-Tajrīd li al-Ṣiḥāḥ wa al-Sunan* oleh Ruzayn al-Sarqastī (m. 535H), *Al-Jam' Bayn Al-Kutub al-Sittah* oleh al-Isybīlī (m. 581H), *Syarḥ al-*

---

<sup>38</sup> *Ibid*, hal. 101.

<sup>39</sup> Lihat: *Tadrīb al-Rāwī*, 51-53; *Miftāḥ al-Sunnah*, hal. 78.



*Sunnah* dan *Masābīh al-Sunnah* oleh al-Baghawī, *Jāmi' al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl s.a.w.* oleh Ibn al-Athīr al-Jazrī (m. 606H) dan lain-lain. Kesemuanya adalah untuk memudahkan para pelajar merujuk kepada hadith-hadith yang dikehendaki.

Selepas kurun kelima sehinggalah kurun ke sembilan, umat Islam mengalami zaman menurun dan penuh cabaran. Ditambah pula dengan siri serangan tentera Salib, serangan Tartar dan beberapa elemen dalaman dan luaran yang lain, telah merencatkan perkembangan ilmu Islam termasuk hadith. Kalaupun ada usaha ilmiah namun dalam bentuk yang terbatas. Antaranya:

- i. Memberi perhatian kepada karya-karya yang telah dihasilkan oleh salaf al-soleh, dengan disertakan kajian mengenainya, ulasan di samping memperkenalkan tokoh-tokohnya.
- ii. Memberi perhatian kepada ilmu hadith dengan menyusun semula dalam bentuk syarah dan nazam.
- iii. Menerbitkan karya dalam bentuk baru, sebagai tokok tambah kepada apa yang sedia ada seperti menghasilkan karya-karya mengenai hadith-hadith *mawḍū'* dan karya yang berkaitan dengan hadith-hadith *aḥkām*.
- iv. Menghasilkan karya pelengkap kepada karya-karya yang sedia ada, seperti takhrij hadith-hadith yang dimuatkan dalam sebuah karya utama dan *kitab al-atrāf*.

Dalam lengkongan inilah lahirnya karya-karya seperti *al-Mawḍū'āt* oleh Ibn al-Jawzī (m. 597H), *Al-Mawḍū'āt* oleh al-Saghānī (m. 650H), *Aḥādīth al-Qaṣaṣ* oleh Ibn Taimiyyah (m. 728H), *Tanzīh al-Sharī'ah* oleh Ibn Iraq, *al-Asrār al-Marfū'ah* oleh Mulla 'Alī al-Qārī, *al-Fawā'id* oleh al-Shawkānī dan dua karya terkenal Imam al-Suyuti mengenai hadith-hadith *mawḍū'* dan lain-lain.

Turut dihasilkan oleh para muḥaddithīn karya-karya mengenai hadith *aḥkām* seperti *Umdah al-Aḥkām 'An Sayyid al-Anām* oleh 'Abd al-Ghanī al-Maqdisī (m. 600H), *Al-Aḥkām al-Kubrā* dan *Al-Muntaqā min Akhbār al-Muṣṭafā (s.a.w.)* oleh Maj al-Dīn 'Abd al-Salam Ibn Taymīyah al-Hurani (m. 653H), *Al-Ilmām fī Ahādīth al-Aḥkām* oleh Ibn Daqīq al-Eid (m. 702H), *al-Muharrar fī Ahādīth al-Aḥkām* oleh Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *Bulugh al-Marām min Ahādīth al-Aḥkām* oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (m. 852H) dan lain-lain.

Dalam tempoh ini juga terdapat para muḥaddithīn yang telah menghasilkan kitab *al-Atrāf* yang menyebut sebahagian hadith sahaja bagi merujuk kepada keseluruhan hadith. Karya bentuk ini adalah untuk memudahkan para pelajar mendapatkan hadith-hadith yang dikehendaki di sumbernya yang asal. Di antara karya bentuk ini yang terkenal ialah *Tuḥfah al-Asrāf bi Ma'rīfah al-Atrāf* oleh Al-Mizzī (m. 742H), *Al-Ithāf* oleh Ibn Ḥajar.

Ditemui juga *kutub al-takhrij* seperti *Nasb al-Rayah li Ahādīth al-Hidāyah* oleh al-Zailai'i (m. 762H), *al-Talkhīṣ al-Habir* oleh Ibn Hajar, *Al-Mughnī 'An Haml al-Asfār fī Takhrij ma fī al-Ihyā' 'Ulūm al-Dīn min al-Akhbār* oleh Zayn al-Dīn al-'Irāqī (m. 806H) dan banyak lagi.

## KESIMPULAN

Para muhaddithin sejak dari zaman dahulu mempunyai metodologi tersendiri dalam menerima, meriwayatkan dan menyusun hadith-hadith Rasulullah s.a.w. sehinggalah ia berada di tahap yang ada sekarang. Kesemua ini adalah untuk menjaga autoriti dan keaslian hadith itu sendiri yang merupakan sumber utama Syariat Islam.